




bila hati ini rindu



Cerpen ini pernah tersiar di akhbar Berita Minggu pada 22 Mei 1977



Sebak. Hatinya benar-benar sebak hari itu, sesebak air mata yang mengenangi kelopak-kelopak matanya. Pilu kalbunya tidak dapat menahan air matanya dari mengalir; mengalir membasahi pipinya yang jelas cengkung itu.

Tapi hatinya sudah tetap dengan satu tekad. Bulat hatinya sudah tidak boleh diganjak-ganjak. Dia mesti pergi, pergi dari rumahnya yang sudah hilang damainya, yang sudah lurut kasihnya.

Biarlah seribu pujukan melimpah mematahkan hasratnya. Biarlah seribu rayuan mendengungi telingannya. Namun, tekadnya tidak akan pudar, hasratnya tidak akan

kendur. Padanya kasih yang diimpikan itu sudah punah, lebur pada wajah-wajah yang bertopeng.

Dia terus menunggu-nunggu di pintu pagar yang berkunci erat itu. Dia terus mengharap agar ada sesiapa yang melihatnya di luar. Biarlah dia menanti sepuluh jam sekalipun. Biarlah malam terus merangkak. Biarlah bulan terus menyeringai sinarnya. Biarlah sampai ke pagi sekalipun, dia tetap menunggu. Tekad hatinya sudah tidak boleh dileraikan. Putus hatinya sudah tidak boleh dipujuk rayu lagi.

Dia tahu, apabila dia dibenarkan masuk ke bangunan itu, dia tidak akan sebebaskan orang lain di luar. Tidak sebebaskan manusia lain mengecapi alam maya. Setiap hari, dia mempunyai tugas yang harus diselesaikan. Setiap masas gerakannya sering diperhatikan. Itu semua dia tahu. Tapi, hatinya puas, hatinya senang. Biarlah hatinya benar-benar damai di sini. Walaupun kasih hilang jauh, kasih yang hilang entah di mana puncanya.

Dan harapannya menanti, terus beryala-nyala. Biar ketumpasan hatinya, malap, semalap senja yang mula berakhir.

Perlahan-lahan dia mengeluarkan secebis gambar dari sakunya. Ditatapnya gambar itu puas-puas. Setitik-setitik air matanya tumpah ke bumi. Terasa wajah dari gambar itu memanggil-manggilnya. Terasa suara dari wajah itu berlagu pilu di tepi telinganya, sungguh-sungguh mendayukan hatinya. Tetapi, hatinya tetap pejal, sepejal batu granit yang bertimbun di tepi jalan raya. Dan air matanya sudah tidak bisa melembutkannya, mengubatinya. Dan suara-suara dari wajah itu hilang perlahan-lahan.

Dia benar-benar sayang akan wajah dalam gambar itu. Dia sungguh-sungguh cinta pada budi, pada baktinya. Cinta dan sayang padanya sesungguhnya tiada batasan, tiada tepinya.

Direnungnya wajah itu dengan seribu kepiluannya, dengan seribu kesyahduannya. Tetapi gurisan di hatinya sungguh-sungguh menyilukan, bagai sembilu-sembilu mencucuk setiap sudut hatinya. Dan wajah itu mula berbalam-balam di sudut ingatannya.

Kemudian, ingatannya menular pada kisah dua tahun yang lalu; di mana ayahnya membawa 'ibu barunya' ke rumah. Serasa kasihnya semakin penuh. Serasa kasihnya ditatang sebulat-bulatnya. Malahan, makan minumnya sentiasa rapi terjaga, Sayang ayahnya, sayang ibu barunya itu membuat hatinya benar-benar damai, damainya benar-benar tidak terusik.

Tetapi, apabila ayahnya membawa seorang adik dalam hidupnya, mulalah kasih ibu barunya berbelang, mulalah sayang ibunya itu berpecah. Namun, kasih bapanya terus tidak terganggu. Pernah suatu ketika, dia mendengar pertengkaran antara ibunya itu dengan ayahnya.

"Timah, awak tidak boleh berbuat demikian. Dia anak saya. Hana tu anak saya, anak dari baka saya," tegas ayahnya. "Tentu awak masih ingat lagi janji awak pada saya; sepertimana awak sukakan saya, maka seperti itu juga, suka awak pada Hana."

"Itu saya tahu. Tapi. Saya tak punya masa untuk melayannya. Budak itu sudah besar, tentu tak salah kalau saya menyuruhnya membuat kerja rumah," jawab ibunya.

"Saya tahu Timah, awak bencikan dia. Awak seranah dia setiap masa. Maklumah dia pekak! Anak awak ini belum tentu lagi, pekak atau tidak!" kata ayahnya tegas.

"Jadi, awak suka anak kita itu pekak seperti dia. Tuli seperti Si Hana tu. Bodoh, dungu!"

"Saya tak maksud begitu. Tapi, awak tidak seharusnya bersikap begitu. Awak tahu, dia kurang cerdas, kurang sifat, pulak tu tak beribu. Saya mengahwini awak semata-mata untuk mengubati rindunya, rindu pada ibunya. Tapi....." sesal ayahnya.

"Sudahlah...asyik-asyik tu, asyik-asyik tu... bosan."

Dan Reyhana dengan segera mencabut 'earphone'-nya. Biarlah dia tidak dapat menelangan segala-galanya. Biarlah parut di hatinya terguris dalam-dalam, biar tangisannya Cuma menagih kasih, tidak terbinasa oleh kata.

Sejak hari itu, dia mendiamkan dirinya, membugkamkan hatinya. Dan, apabila leteran ibunya terdengar, dia segera mencabut "earphone", biar leteran ibunya berlalu seperti berlalunya hembusan angin sahaja.

Pada petang itu, dia menatap buku sekolahnya. Dia berasa suruhan gurunya supaya sering emmbaca harus dipenuhinya. Dia tahu gurunya itu sungguh-sungguh belas kepadanya. Dia tahu gurunya mahu dia boleh membaca seperti kanak-kanak lain dalam darjah limanya itu.

Pagi tadi, gurunya jadi marah pada kawan-kawannya apabila mereka mentertawakannya, sewaktu disuruh baca oleh gurunya. Entah mengapa gurunya menyuruhnya membaca di hadapan darjah pada hari itu sungguh-sungguh menghairkannya. Selalunya, apabila kawan-kawannya membuat kerja bertulis, gurunya akan menghampirinya dan mengajarnya perlahan-lahan, mendidiknya dengan mengikut keupayaannya.

Tatkala kawan-kawannya mentertawakannya, air matanya bergenangan di setiap sudut kelopak matanya. Kesal hatinya bersifat begitu. Dia tahu kekurangan pada dirinya selalu sahaja menjadi bahan ejekan kawan-kawannya. Saban hari ada sahaja usikan teman-temannya. Buat penghibur hati, dia sering sahaja menjadi bahan lucuan mereka.

Kalaulah kawan-kawannya mengejek, dia akan mendiamkan diri. Atau paling tidak, dia akan mencabut "earphone"-nya. Biarlah ejekan kawan-kawannya tidak sampai di telinganya dan tidak singah di hatinya. Tetapi, apabila dia berbuat begitu, kawan-kawannya akan berbuat lebih daripada itu; menyembunyikan begnya, membuang bukunya atau melemparnya dengan kapur. Dan semua itu akan membuat hatinya parah.

Kekesalan pada ayahnya tidak menyekolahkan di sekolah untuk murid-murid yang senasib dengannya mula lahir. Entah mengapa ayahnya tidak menghantarnya ke sekolah tersebut, dia sendiri kurang pasti.

“Reyhana, awak ada belajar di rumah?”

Dia tunduk diam. Sepatah kata terasa tersendat di hujung lidahnya.

“Reyhana, awak mesti baca buku setiap hari. Hana sudah boleh membaca. Tapi, awak harus terus membaca, biar lancar, biar bertambah pantas.”

“Baik, Cikgu,” katanya tersipu-sipu.

”Hana, esok cikgu akan suruh Hana baca di hadapan kelas. Hana mesti tunjukkan pada kawan-kawan, Hana boleh baca seperti mereka,” kata gurunya lagi.

Reyhana menganggukkan kepalanya.

”Ingat pesan cikgu, ya Hana.... Balik nanti, Hana mesti baca buku,” pesan gurunya.

Dan apabila ibunya sedang tidur bersama adiknya, Reyhana membaca bukunya. Dia sungguh-sungguh sedar, pesanan gurunya itu adalah satu cabaran baginya. Dan, esok dia mahu membuktikan bahawa dia juga boleh membaca seperti mereka.

Tetapi, sedang Reyhana asyik membaca, menghafaz perkataan yang tersurat, tiba-tiba datang ibunya menengking-nengking. Entah apa yang diseranahnya, dia tidak pasti. Tetapi, cubitan-cubitan ibunya pada paha kiri, paha kananmuya sungguh-sungguh terasa sakitnya. Air matanya bercucuran menimpai buku bacaan yang sedang ditatangnya.

Kemudian, ibunya membongkar-bongkar begnya lalu mengeluarkan “*earphone*”-nya, kemudian memiat-miat telinganya, memulas-mulas kupingnya, dan ditonyoh-tonyohnya alat bantuan pendengarannya itu ke telingannya.

”Pasang ini! pasang ini! Kalau tak ada wayar ini, haram kau hendak mendengarnya; pekak! tuli! Adikkau menangis begitu kuat, langsung kau tak pedulikan, langsung kau tak mendengarnya.”

Reyhana menangis tersedu-sedu.

“Mengapa kau hidup menyusahkan aku sahaja. Kalau kau ikut makkau dulu, hatiku ini lapang betul,” kata ibunya berlalu.

Apabila mendengar ibu tirinya berkata begitu, dia lantas menanyai dirinya. Siapakah ibunya? Di mana ibunya kini? Setahunya; orang menyebut ibunya sudah mati. Tapi, tidak pernah sekalipun dia melihat ibunya. Dan Reyhana semakin tersiat hatinya.

Apabila menatang lagi kata-kata ibunya tadi, Reyhana semakin jadi tangisnya, perlahan-lahan dia membuka lacinya lalu mengeluarkan gambar ayahnya. Tangisnya

benar-benar memilukan. Sebak tangisannya benar-benar mendayukan. Dan dia seperti kehilangan ayahnya pada kala itu.

Dan jam enam petang itu, dia pergi dari rumahnya, pergi dengan segala cintanya yang musnah, pergi dengan segala hatinya yang rindu, pada kasihnya yang luruh, pada cintanya yang rusuh, hingga sampailah dia ke tempat dia berada sekarang.

Setelah hampir dua jam menunggu, di muka pintu berpagar, barulah ada orang yang mengajaknya masuk ke bangunan itu. Berbagai-bagai pertanyaan meluru padanya tetapi segala pertanyaan itu tidak dapat dijawabnya, tak dapat difahaminya. Benar-benar, dia tidak dapat menyelami kehendak petanya-petanya itu, walaupun kadang-kadang mereka terpaksa menggunakan bahasa isyarat.

Apabila polis tiba, melimpah lagi pelbagai soalan. Namun, Reyhana tetap membisu. Tekad hatinya sesungguhnya tidak berganjak. Dan apabila salah seorang anggota polis itu cuba mengambil gambar dari sakunya, dia dengan segera menggenggamnya erat-erat, seolah-olah tidak mahu berjauhan dari wajah dalam gambar itu.

Dan malam itu Reyhana tidur di bangunan itu, di rumah kebajikan kanak-kanak perempuan dengan membawa seribu persoalan hidupnya dalam mimpinya.

Esok paginya, kelihatan ayahnya dengan seorang anggota polis menemuinya. Pada wajah ayahnya terbayang kepiluan hatinya, keluruhan kalbunya. Di tangan ayahnya terenggam "earphone"-nya, perlahan-lahan dia menghampiri ayahnya lalu merangkulnya erat-erat.

"Hana, kita pulang nak," kata ayahnya setelah memasang alat itu ke telinganya. Reyhana menangis tunduk. Sedunya bagai terasa dalam goncangan hati ayahnya, dalam debaran sanubari ayahnya.

"Hana tak mahu balik, ayah. Hana tak mahu sekolah lagi, ayah!" katanya sambil menggeleng-gelengkan kepalanya.

"Hana, ayah sayang pada Hana. Marilah kita pulang, nak!" pujuk ayahnya.

"Hana tidak mahu balik. Hana tidak mahu balik! Hana tidak mahu ke sekolah lagi!" ulangnya bertalu-talu.

"Hana, baliklah Hana...Marilah balik bersama ayah..."

"Tidak ayah, Hana tidak mahu..."

Dan Hana terus dengan tekadnya. Seincipun pun tidak mahu berganjak. Hasratnya mahu pergi dari rumahnya itu, jauh dari sekolahnya itu sudah benar-benar bulat. Cekal hatinya sungguh-sungguh tidak dapat dipujuk rayu lagi.

Berpuluh kali ayahnya memujuknya. Namun, Reyhana tetap dengan pendiriannya, dia tidak mahu berganjak lagi dari putus katanya. Dia benar terasa, duduk di rumah kebajikan ini telah lahir kedamaian di hatinya.

Setelah dipujuk oleh pegawai-pegawai rumah kebajikan itu, ayahnya berundur dengan kekesalan hatinya, dengan sebal hatinya. Dan Reyhana menangis sewaktu ditinggalkan ayahnya.

Perlahan-lahan dia menatap wajah ayahnya dalam gambar itu. Titisan air matanya menaburi pipi-pipi wajah itu, rintihan jiwanya tidak dapat ditahannya, segala-galanya dilambakkan dengan sedu-sedannya.

Dan, di hatinya berbisik, 'Apabila hati ini rindu padamu, akan kutatap sepuas-puas wajahmu. Akan kuluahkan segala rindu ini padamu.'